

Zakat Harta Kaum Hartawan untuk Membasmi Penderitaan Kaum Miskin

Masalah zakat ini merupakan masalah yang sudah lama diketahui dan dikerjakan oleh umat Islam.

Zakat itu ialah punca dan modal yang sangat penting, bukan sahaja dalam menghapuskan kemiskinan dan kesengsaraan, bahkan juga untuk menjalankan segala keperluan rakyat dan tugas *fi sabili Allah* dalam erti yang luas. Akan tetapi kenyataannya zakat yang dipungut sekarang belum juga menumbuhkan harapan itu, bahkan masih jauh dari itu. Maka timbullah sekarang pertanyaan:

Betulkah zakat itu dapat memenuhi tujuan sebagaimana yang disebutkan di dalam ajaran Islam?

Inilah tugas utama yang kita kira sangat-sangat penting supaya kita pecahkan bersama-sama. Pokok soal itu ialah:

Pertama: Kedudukan zakat di dalam Islam, ialah untuk menghapuskan kemiskinan, melaksanakan keadilan masyarakat dan membina kemakmuran bersama.

Kedua: Lapangan penggunaan zakat pada masa ini yang sangat mustahak ialah untuk menyelesaikan masalah fakir miskin, dan menjalankan urusan-urusan yang termasuk dalam bahagian "*fi sabil Allah*" dalam erti yang luas.

Ketiga: Peraturan pembahagian zakat. Bagi mencapai tujuan yang utama dalam soal pembahagian zakat itu, maka mustahaklah diatur beberapa perkara iaitu:

- (1) Zakat harta dan zakat fitrah yang dipungut itu hendaklah dibahagi dengan adil kepada tiap-tiap golongan yang berhak menerimanya. (2) Zakat itu boleh dijadikan suatu perusahaan yang mendatangkan hasil dan memberi pekerjaan kepada orang-orang yang berhak menerimanya, sehingga mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Dengan pembahagian cara yang kedua itu, zakat dapat

dijadikan punca dan modal pembangunan, dalam bahagian "*fi sabili Allah* (kebajikan am) dengan makna yang luas. Sehingga dapat memberikan pertolongan dan mata pencarian kepada fakir miskin, kaum buruh, kaum tani, kaum nelayan, dan lain-lainnya. Misalnya:

- 1) Kaum nelayan dibelikan perahu dan alat-alat beransur-ansur sehingga perahu dan alat-alat itu menjadi haknya. Penangkap ikan, dan kemudian diminta membayarnya dengan
- 2) Kaum buruh pula diberi pekerjaan yang sesuai dengan kebolehannya.
- 3) Begitu pula sebuah bank yang tidak mengambil bunga boleh didirikan untuk kepentingan kaum fakir miskin mendapat bantuan untuk berniaga dan menjalankan perusahaannya.
- 4) Mendirikan "*bayt al-māl*" yang membelanjai segala usaha-usaha kebajikan am (*fi sabili Allah*) untuk menyiar dan mengembangkan Islam.

Bagi menjayakan tujuan ini bukan sahaja memadai dengan potongan zakat fitrah tetapi yang terpenting sekali ialah 'zakat harta' dengan mendaftarkan kesemua orang-orang kaya dan lain-lain golongan yang diwajibkan Allah mereka membayarnya.